

UB 9·4·2014 B4

**KUNJUNGAN:** Satu rombongan dari Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) diketuai Dekan Sekolah Prof Dato' Mohd Hamdan Haji Adnan mengadakan kunjungan hormat terhadap Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Seri Haji Hajiji Haji Noor baru-baru ini.

Turut hadir Penyelaras Program Sejarah sekolah berkenaan Prof Madya Dr A Rahman Tang Abdullah; Pensyarah Kanan Mahat Jamal; Pengarah Program Roshayati Hussin; dan Timbalan Pengarah Nadiannah.

Kunjungan itu bertujuan memberi taklimat kepada Hajiji tentang projek yang dikendalikan oleh Program Sejarah iaitu Kuiz dan Pidato Sejarah Sekolah Menengah Peringkat Negeri Sabah yang akan diadakan hujung minggu ini. Kelihatan Roshayati (kiri), Hamdan (dua kiri), Rahman (tiga kiri), Mahat (dua kanan) dan Nadianah (kanan) merakam gambar keanangan bersama Hajiji (tengah).